

10 FEB 1998

THAILAND SUMBANG BERAS DAN UBAT KEPADA INDONESIA

JAKARTA, 10 Feb (Bernama) -- Kerajaan Thailand hari ini berikrar menyumbang 5,000 tan beras dan ubatan-ubatan bernilai AS1 juta untuk membantu Indonesia yang menghadapi kekurangan makanan, kata Menteri Luarnya Surin Pitsuwan

Beliau memberitahu pemberita selepas menemui Presiden Suharto bahawa beliau datang ke sini untuk menyampaikan perutusan daripada Perdana Menteri Chuan Lekpai berhubung dengan perkara itu.

Menurut beliau, ubat-ubatan itu akan dibahagi-bahagikan kepada penduduk di wilayah Irian Jaya yang menghadapi kemarau yang berpanjangan dan kebakaran hutan sejak beberapa bulan lalu.

Beras itu akan dibahagi-bahagikan kepada penduduk di kawasan yang menghadapi kekurangan makanan, kata beliau.

Katanya, Perdana Menteri juga melahirkan keyakinan kepada kepimpinan Presiden Suharto dan usaha untuk mengatasi kemelut ekonomi yang dihadapi oleh negara itu.

Pitsuwan juga memberi taklimat kepada Presiden Suharto mengenai lawatan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Bangkok baru-baru ini bagi membincangkan kemungkinan negara anggota Asean meningkatkan kerjasama di tengah-tengah krisis ekonomi sekarang. -- BERNAMA

ABU FAZ